



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“293 PELAJAR SEKOLAH TERIMA LESEN MEMANDU B2 (MOTOSIKAL) MENERUSI PROGRAM MyLESEN B2 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG”

Pulau Pinang, 8 Julai 2023- Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia pada hari ini telah menyerahkan bantuan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal) kepada seramai **293 pelajar sekolah** menerusi **Program MyLesen B2 Peringkat Negeri Pulau Pinang** di Balik Pulau, Pulau Pinang.

Penyerahan Lesen Memandu di bawah Program MyLesen B2 Peringkat Negeri Pulau Pinang, disempurnakan oleh **YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia** dan **YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang** di sini hari ini.

Para penerima bantuan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal) merupakan pelajar-pelajar sekolah daripada 12 buah sekolah di Daerah Barat Daya Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada kumpulan B40 yang turut menerima bantuan melalui Program Bantuan e-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain bentuk bantuan lagi.

Inisiatif ini bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk mendidik masyarakat akan kesedaran terhadap pematuhan peraturan-peraturan jalan raya dan

juga pembudayaan keselamatan jalan raya dalam kalangan belia di negara ini.

Di samping itu, Program MyLesen B2 sebagai komitmen dan usaha cakna Kerajaan Perpaduan untuk membantu golongan B40 mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan dalam sektor ekonomi gig dan selainnya.

Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Perpaduan untuk memberi manfaat kepada **9,000 orang calon** daripada golongan B40 di seluruh negara menerusi peruntukan keseluruhan sebanyak **RM2.7 juta** di bawah Belanjawan 2023.

Kerajaan berharap inisiatif ini dapat membantu golongan B40 yang menghadapi cabaran ekonomi bagi mendapatkan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 serta melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang **kompeten dan selamat**.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

8 JULAI 2023

[TAMAT]